

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

29. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa maklumat terperinci mengenai jumlah bilangan pelarian Rohingya yang memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNCHR) yang kini menetap di Pulau Pinang?
- (a) Apakah perancangan kerajaan untuk menangani isu-isu sosial yang timbul?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. (a) Jumlah bilangan pelarian Rohingya yang memegang Kad United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) di Pulau Pinang setakat ini adalah seramai **4,130** orang. Malaysia menjadi negara destinasi pilihan Rohingya atas faktor negara kita mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Masalah sosial yang perlu difikirkan dan ditangani oleh kerajaan adalah seperti penyelidikan pendidikan, kelahiran dan kematian, kebijakan, penempatan semula yang sangat terhad, jenayah setempat kerana mereka tidak bekerja, tiadanya bantuan dan kerjasama dari Myanmar.

Setakat ini pihak Cawangan Khas komited dan sentiasa bekerjasama dengan pihak Kedutaan dan pejabat UNHCR untuk memantau aktiviti mereka sekaligus mengekang mereka dari terlibat dengan aktiviti jenayah dan sosial. Peranan

kerajaan dalam isu ini merangkumi pendidikan, kesihatan, sara hidup, penghantaran pulang, penempatan di negara ketiga dan semakan status pelarian. Kerajaan juga melaksanakan pendaftaran program maklumat biometrik bagi memastikan data maklumat bertujuan sebagai pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang.